

SILAT BUKAN LAGI MILIK NUSANTARA

SENI mempertahankan diri tradisional Melayu — silat — ternyata bukan lagi menjadi kepunyaan dan kebanggaan penduduk Gugusan Kepulauan Nusantara saja, malah lebih daripada itu apabila sukan berkenaan kini mula menerima perhatian di benua Eropah.

Perkembangan silat juga menyaksikannya mula menerima penghormatan setanding dengan judo, karate dan taekwondo dan ini sekaligus meletakkannya di peringkat tertinggi seni mempertahankan diri.

- 8 DEC 1990

Contoh yang paling nyata mengenai penerimaan Barat dan Asia Ocenia terhadap silat ialah kehadiran pesilat dari Belanda dengan lapan peserta, Belgium (dua), Austria (tiga), Australia (empat) dan Jerman (11) di Kejuaraan Terbuka Malaysia, di Stadium Negara, baru-baru ini.

Mereka yang bertanding dalam acara silat olahraga itu yang dibahagikan kepada 10 kategori pada dasarnya menerima latihan dan bimbingan daripada guru persilatan yang bermautautin di negara berkenaan.

B. Harian (M)

Pada hari ini, seni mempertahankan diri yang dianggap sebagai sukan itu bukan saja dianjurkan di peringkat Asia Tenggara, malah lebih daripada itu dengan wujudnya Kejohanan Dunia yang dianjurkan dua tahun sekali.

Usaha untuk membangunkan seni mempertahankan diri bangsa Melayu ini tidak harus diserahkan kepada pihak yang terbabit saja untuk bertindak, sebaliknya semua mereka yang mengaku diri sebagai bangsa Melayu patut terbabit sama.

Bangsa Melayu patut merasa bangga dan memberi sokongan padu kepada usaha untuk memajukan sukan ini, biarpun acara Silat Olahraga kerana dengan penerimaan negara-negara lain bererti seni warisan bangsa Melayu akan terus berkembang dan kekal.

Langkah Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang bertungkus lumus untuk memastikan acara silat olahraga disenaraikan dalam Sukan Sea di Manila akan datang patut diberi sokongan.

Walaupun keputusannya kini tidak menentu, sekejap diterima dan sekejap ditolak, usaha harus diteruskan agar ia menjadi acara utama di sukan itu, jika tidak pada tahun depan tetapi untuk kejohanan-kejohanan akan datang.

Usaha ini patut diteruskan kerana kini tanda-tanda awal bahawa sukan ini akan terus berkembang sudah ada.

Petanda awal ini dapat dilihat melalui penyeritaan negara-negara bukan daripada gugusan kepulauan Melayu, seperti Belanda, Belgium, Jerman, Austria dan Australia dalam kejuaraan silat yang diadakan, termasuk Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara bermula 1 Disember.

Walaupun silat bukanlah warisan bangsa mereka, namun tahap penguasaan mereka dalam seni ini adalah baik. Ini membuktikan bahawa silat bukanlah sukan yang akan dikuasai oleh kepulauan Melayu saja jika ia dijadikan acara di kejohanan-kejohanan besar sepertimana Sukan Sea.

Selain itu dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Amsterdam, lalu, pesilat bukan daripada kepulauan Melayu telah memberi saingan hebat dalam semua acara yang dipertandingkan.

Seperti kata Presiden Pesaka, Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib yang juga selaku Menteri Besar Selangor, silat olahraga wajar dikembangkan ke seluruh Nusantara dan menjadi salah satu acara diperingkat antarabangsa.

"Jika tidak, ia adalah satu tamparan hebat kepada mereka yang berketurunan Melayu," kata Tan Sri Haji Muhammad.

Untuk mengelakkan usaha ini berkubur begitu saja, semua pihak yang mengaku diri mereka berbangsa Melayu harus melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Tanggungjawab itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan paling mudah dengan memberi sokongan kepada pasukan atau pesilat negara yang mengambil bahagian dalam kejuaraan yang diadakan, terutama sekali kejuaraan dalam negara seperti Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia.

Daripada Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia nampak nyata bahawa masih ramai yang tidak mengambil berat akan usaha untuk membangunkan seni warisan bangsa itu.

Jumlah mereka yang hadir menyaksikan dan memberi sokongan kepada peserta yang mengambil bahagian tidaklah membanggakan.

Sehubungan itu mulai daripada sekarang semua pihak harus bangkit menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan silat olahraga terus mendapat terus maju.